

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : Lisan
- DARIPADA** : Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]
- TARIKH** : 26 Mei 2016
- SOALAN** : Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilakah pihak Kementerian akan membuka semula pemberian lesen bot nelayan pesisiran pantai di Sarawak bagi membolehkan nelayan-nelayan yang belum berdaftar ini layak mendapat bantuan subsidi minyak nelayan dan elaun sara hidup bulanan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah melaksanakan pembekuan sementara ke atas semua permohonan lesen baru vesel Zon A, B dan C dalam usaha mengurangkan tekanan ke atas sumber perikanan. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia memberi lebih tumpuan dan fokus kepada pembangunan perikanan laut bagi memastikan kelestarian sumber bekalan makanan disamping meneruskan pembangunan industri perikanan. Ia adalah sebagai alternatif kepada sumber bekalan ikan negara yang kini terdedah kepada pengeksploitasian sumber terutamanya di kawasan perairan pantai yang telah mencapai tahap optima.

Berdasarkan maklumat statistik Jabatan Perikanan Malaysia, bilangan vesel penangkapan ikan yang dilesenkan di Sarawak pada tahun 2014 berjumlah 7,226 buah dan 6,562 buah iaitu 90.8% daripadanya adalah vesel zon A.

Pembukaan semula permohonan lesen/permit baru kepada nelayan pesisiran pantai dikhuatiri kurang ekonomik kerana nelayan perlu beroperasi lebih panjang (peningkatan kos operasi) bagi mendapatkan hasil yang setimpal. Selain itu, pertambahan lesen-lesen baru juga akan meningkatkan konflik di antara nelayan kerana kawasan penangkapan ikan yang terhad.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia bersedia untuk mengkaji semula keperluan membuka semula permohonan lesen/permit nelayan pesisiran pantai. Nelayan-nelayan tulen terutama yang termasuk dalam senarai e-kasih dan mendapat bantuan Program 1AZAM boleh diberi pertimbangan setelah melalui proses siasatan dan tapisan.